



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi Sekretariat Kerajaan Perpaduan di Sri Perdana semalam.

(Foto ihsan X Fadillah Yusof)

BERITA HARIAN 19 APR 2024

mb: 2

# Draf MoU dirangka sebelum berunding dengan wakil rakyat

## Keputusan dicapai dalam mesyuarat dipengerusikan PM dan pemimpin tertinggi parti komponen

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@bh.com.my

**Kuching:** Isu peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang yang berlarutan sejak setahun lalu dijangka selesai tidak lama lagi selepas Majlis Pimpinan Tertinggi Kerajaan Perpaduan yang bermesyuarat malam kelmarin, bersetuju untuk mempertimbang menyalurkan peruntukan kepada wakil rakyat terbabit.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata keputusan itu dicapai dalam mesyuarat majlis berkenaan yang diadakan di Sri Perdana, Putrajaya, petang kelmarin.

Perkara itu dipersetujui dalam mesyuarat lebih satu jam yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, serta dihadiri oleh pemimpin tertinggi parti-parti komponen Kerajaan Perpaduan.

“Sehubungan itu, satu draf Memorandum Persefahaman (MoU)

akan dirangka terlebih dahulu. Draf itu kemudian akan dipanjangkan kepada pembangkang sebagai langkah untuk perundingan seterusnya,” kata Ketua Whip Kerajaan Perpaduan dalam kenyataan, semalam.

Fadillah diberi mandat oleh Perdana Menteri untuk berbincang mengenai peruntukan itu dengan pembangkang.

Tahun lalu, Ketua Whip Perikatan Nasional (PN), Datuk Seri Takiyuddin Hassan mengesahkan sudah bertemu dua kali dengan Fadillah namun menemui jalan buntu disebabkan isu syarat yang didakwanya dikenakan kerajaan.

Takiyuddin dilaporkan berkata, antara syarat Fadillah mahu pembangkang tulis surat kepada mereka beri jaminan tertentu.

Pada 19 Mac lalu, tiga pemimpin PN iaitu Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin, Takiyuddin dan Naib Presiden BERSATU, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengadakan perjumpaan dengan Fadillah di Parlimen bagi membincangkan isu berkenaan.

Dalam pertemuan itu, Hamzah meminta kerajaan mengemukakan cadangan rasmi berhubung peruntukan sama rata untuk Ahli Parlimen pembangkang iaitu kira-kira RM3.8 juta setahun.

Beliau berkata, pendekatan itu digunakan semasa kerajaan dipimpin bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

dengan menandatangani memorandum persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik dengan Pakatan Harapan pada September 2021.

Ia menetapkan beberapa syarat untuk membolehkan Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang menerima peruntukan pembangunan sama.

### Belum setuju sepenuhnya

Mengulas pengumuman Fadillah semalam, Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan ketika ini hanya setuju ‘mempertimbangkan’ peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang dan belum bersetuju sepenuhnya.

Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh berkata mereka juga tidak mengetahui syarat terkadung dalam Memorandum Persefahaman (MoU) yang akan dirangka untuk rundingan seterusnya.

Sebelum ini, isu peruntukan kepada wakil rakyat pembangkang dikatakan menjadi antara alasan enam Ahli Parlimen BERSATU mengalihkan sokongan kepada Perdana Menteri.

Mereka adalah Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar); Suhaili Abdul Rahman (Labuan); Azizi Abu Naim (Gua Musang); Zahari Kechik (Jeli); Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang) dan Dr Zulkafperi Hanapi (Tanjong Karang).